

**Pemerkaaan wanita dan usaha mencapai kesaksamaan gender melalui sektor ekopelancongan di kadamaian, Kota Belud, Sabah**

**ABSTRAK**

Pemerkaaan wanita merupakan aspek kritikal dalam mencapai kesaksamaan gender. Kesaksamaan gender merujuk kepada keadaan iaitu wanita dan lelaki menikmati peluang, akses, hak, pemilikan sumber, serta kesetaraan peranan dalam aspek ekonomi, politik dan sosial. Dalam konteks perbincangan artikel ini, ekopelancongan dianggap satu ‘alat’ yang mampu memperkasa wanita dan membantu usaha mencapai kesaksamaan gender dalam semua aspek kehidupan. Penglibatan aktif wanita dalam aktiviti ekopelancongan membolehkan mereka terlibat dalam proses membuat keputusan, meningkatkan akses, kawalan serta pemilikan terhadap sumber. Sehubungan itu, objektif utama penyelidikan yang dibincangkan dalam artikel ini ialah mengenal pasti kepelbagaiian peranan wanita yang terlibat dalam sektor ekopelancongan di Kadamaian, Kota Belud. Objektif seterusnya ialah menilai tahap pemerkaaan wanita yang terlibat dalam aktiviti ekopelancongan. Indikator yang digunakan untuk menilai elemen pemerkaaan wanita termasuklah akses pemilikan dan kawalan sumber, penglibatan dalam proses membuat keputusan, peningkatan kemahiran, keyakinan diri, dan pengembangan jaringan sosial. Kaedah kualitatif yang digunakan termasuklah temubual mendalam, focus group discussion (FGD), pemerhatian di lokasi kajian, disamping mengikuti aktiviti ekopelancongan yang menampilkan wanita sebagai pengendali aktiviti. Seramai 44 orang responden wanita yang ditemubual dalam kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan terdapat 22% wanita yang memiliki serta mengurus inap desa/homestay, 15% wanita mengetuai projek ekopelancongan berasaskan komuniti, dan 15% wanita menjadi pengendali aktiviti lasak seperti jungle trekking. Namun, masih ramai wanita yang terlibat dalam tugastugas kerja pembersihan dan keceriaan di camping site dan Inap Desa iaitu sebanyak 42%. Dapatan kajian berkaitan pemerkaaan wanita ini boleh menjadi input kepada agensi berkaitan dalam merangka dasar dan strategi untuk mencapai kesaksamaan gender di luar bandar.